

CNS0254

R GB 08-11 00182 BH083

bah

TONGKAT SEBAGAI TANDA PENGHARGAAN KEPADA PERDANA MENTERI
UMNO - Tongkat (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Seorang anggota Umno dari Pasir Salak, Perak, Haji Idris Alang Mamathari ini menghadahkan sebatang tongkat kayu buatannya sendiri kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tanda penghargaan di atas kebijaksanaan Perdana Menteri memimpin negara ini.

Tongkat, yang disiapkannya dalam masa tiga hari itu, disampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir sewaktu jamuan teh di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, setelah Presiden Umno itu merasmikan Perhimpunan Agung Umno.

Haji Idris, 78, ketika ditemui berkata, tongkat adalah satu-satunya yang boleh dihadiahkan olehnya kepada Perdana Menteri kerana beliau tidak mempunyaimahiran untuk membuat hadiah bentuk lain.

Katanya, inilah kali ketiga beliau menghadahkan tongkat kepada Datuk Seri Dr Mahathir, kali pertama beberapa tahun lepas di Seberang Perak dan kali kedua ketika perhimpunan +Setia Rersama Rakyat+ (Semarak) di Kampung Gajah.

Haji Idris berkata beliau juga pernah menghadahkan tongkat kepada beberapa pemimpin negara termasuk bekas Perdana Menteri, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. -- Lagi

♥08/11/14-59MST

CNS0260

R GB 08-11 00197 BH084

bah

UMNO - Tongkat 2 Kuala Lumpur (akhir)

Katanya, membuat tongkat merupakan hobinya dan beliau menyiapkan sebatang tongkat dalam masa tiga atau empat hari.

Haji Idris telah menyampai kan sepucuk surat kepada Pengerusi Tetap UMNO, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah bagi menyatakan hasratnya untuk menyampaikan tongkat itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir pada perhimpunan agung itu.

Surat yang ditulis dalam tulisan jawi itu telah dibaca oleh Tan Sri Sulaiman kepada perwaki 3 an dan pemerhati perhimpunan agung itu sebaik sahaja Perdana Menteri mengakhiri ucapan perasmianya.

Dalam suratnya itu beliau berkata; +Padasaya Datuk Seri Dr Mahathir adalah insan yang istimewa dan canggih+. Dewan Merdeka; tempat persidangan itu berlangsung, bergema dengan tepukan dan sorakan para perwakilan dan pemerhati sebaik sahaja surat itu selesai dibaca.

Tan Sri Sulaiman berkata beliau akan menguruskan pemberian tongkat itu selepas waktu minum tetapi para pemerhati dan perwakilan bersdrak meminta penyerahan tongkat itu dilakukan pada waktu itu juga.

Tan Sri Sulaiman beberapa kali memanggil nama Haji Idris dan mendapati beliau tidak berada di dalam dewan. Setelah itu, majlis penyampaian tongkat itu dilakukan diluar dewan selepas Datuk Seri Dr. Mahathir menamatkan minuman. -- Bernama

♥08/11/15-03MST